

Lencana Sekolah:



Lencana sekolah ini direka cipta oleh Puan A.N.Nadarajah (Pengetua pertama sekolah ini) dan mula digunakan secara rasmi pada tahun 1970 dengan menggunakan nama Raja Perempuan Secondary School, Ipoh. Pada tahun 1980 nama sekolah di lencana ini ditukar kepada Sekolah Menengah Raja Perempuan, Ipoh dan akhirnya nama sekolah di lencana itu dilengkapkan menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan, Ipoh. Perubahan ini hanya dilakukan kepada nama sekolah sesuai dengan perubahan Dasar Pelajaran semasa.

2.2.1 Bentuk dan Tafsiran Lambang Yang Terdapat Dalam Lencana Sekolah

2.2.1(a) Lambang

Ada dua kumpulan lambang yang terdapat dalam lencana sekolah iaitu:

❖ **Suluh dan buku**

Bahagian yang pertama ialah buku dan obor menunjukkan sekolah ini mengutamakan kegiatan kurikulum dalam kegiatannya seharian. Buku melambangkan ilmu pengetahuan yang menjadi penyuluh menerangi hidup manusia. Ilmu pengetahuan itu amat penting untuk hidup kerana ia membawa manusia dari alam yang jahil ke alam bijaksana, dari alam yang gelap gelita ke alam yang terang bercahaya. Buku dan obor ini diletakkan di atas warna kuning menunjukkan ilmu pengetahuan merupakan raja dalam kehidupan manusia. Lantaran itu ilmu pengetahuan letaknya di tempat yang paling tinggi dalam hidup manusia dengan penghormatan yang tinggi.

❖ **Alat-alat permainan.**

Bahagian yang kedua ialah alat-alat permainan yang menunjukkan kegiatan kokurikulum merupakan elemen yang kedua pentingnya di sekolah ini. Berdasarkan itu permainan yang menjadi keutamaan di sekolah ini ialah hoki, bola jaring, softball, badminton dan ping pong. Untuk mencapai kejayaan dalam bidang ini, pelajar mesti mempunyai sifat yang berani untuk mendepani cabaran dalam permainan tersebut.

2.2.1(b) Cogan Kata

Cogan kata yang tertulis ialah Kejujuran, Pengetahuan, Bakti Menghasilkan Kesempurnaan.

❖ Kejujuran

- Sifat yang seharusnya dimiliki oleh pelajar untuk membina budi dan akhlak diri dan akhirnya mencapai kesempurnaan hidup.

❖ Pengetahuan

- Ilmu pengetahuan merupakan sesuatu yang patut dicari oleh pelajar untuk mencapai kemajuan dan kebahagiaan hidup.

❖ Bakti

- Ilmu yang dimiliki, kejujuran yang diamalkan merupakan kunci kepada sumbangan kepada orang lain. Hidup berbakti merupakan ciri insan kamil yang mahu dilahirkan oleh sekolah melalui aktiviti yang dijalankan.

❖ Menghasilkan Kesempurnaan

- Kesempurnaan hidup merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh setiap individu. Matlamat ini hanya dapat dicapai sekiranya seseorang itu jujur, berilmu pengetahuan dan sentiasa sedia berbakti.

2.2.1(c) Warna Sekolah dan Tafsiran

Terdapat empat warna pada lencana sekolah iaitu:

- ❖ **Kuning** – Melambangkan kesultanan dan pemerintahan beraja.
- ❖ **Coklat** – Melambangkan sifat kewanitaan yang lemah lembut tetapi bersemangat berani untuk menghadapi semua cabaran hidup untuk menegakkan kebenaran
- ❖ **Hitam** – Melambangkan kecekalan hati dan keteguhan hasrat untuk mencapai kejayaan bagi memenuhi cita-cita murni.
- ❖ **Putih** – Melambangkan kesucian hati dan kejujuran dalam menjalankan usaha dan tanggungjawab demi kebaikan.